

**Brexit: UOB Singapura gantung pinjaman beli hartanah London**  
**Free Malaysia Today**  
**Jun 30, 2016**

**UOB merupakan bank peminjam ketiga besar di Singapura dan menawarkan pinjaman hartanah asing termasuk Malaysia.**

SINGAPURA: United Overseas Bank (UOB) di Singapura menggantung program pinjaman hartanah di London susulan ketidaktentuan yang timbul daripada keputusan Britain meninggalkan Kesatuan Eropah atau Brexit.

Walaupun bukan jumlah besar, UOB antara bank pertama di Singapura yang mengambil langkah berjaga-jaga itu memandangkan Brexit mencetuskan kebimbangan pasaran global dan menyebabkan matawang pound susut ke paras terendah dalam beberapa tahun ini.

“Kami akan berhenti terima permohonan pinjaman untuk hartanah London buat sementara kerana kesan pungutan suara UK belum jelas dan melihatkan keadaan tidak menentu, kami perlu memastikan pelanggan berhati-hati terhadap pelaburan mereka dalam hartanah London,” kata seorang jurucakap UOB dalam satu e-mel.

UOB sedang memantau persekitaran pasaran secara teliti dan akan mengkaji semula secara berkala bagi menentukan bila pinjaman hartanah itu boleh diteruskan.

Pemberi pinjaman ketiga besar di Singapura itu menawarkan pinjaman hartanah asing termasuk di Malaysia, Thailand, Australia dan Jepun.

Bagi pemberi pinjaman terbesar di republik itu pula, DBS Group Holdings memaklumkan ia akan terus menyediakan pembiayaan bagi pembelian hartanah di London, tetapi menasihatkan pelanggan supaya berwaspada.

“Bagi pelanggan yang berminat membeli hartanah di London, kami akan nasihatkan mereka menilai keadaan dengan cermat sebelum membuat pembelian kerana mungkin wujud risiko pertukaran wang asing dan berdaulat,” kata pengarah eksekutif pinjaman bercagar kumpulan perbankan pengguna (Singapura) di DBS Bank, Tok Geok Peng dalam satu e-mel.

Dolar Singapura menokok kira-kira 10% berbanding pound sejak pungutan suara UK diadakan minggu lalu.

Ketua perundingan dan penyelidikan di Knight Frank Singapura, Alice Tan berkata, terdapat hartanah di London yang tersedia di pasaran sejak beberapa bulan lalu sebelum Brexit.

“Persoalannya sama ada hartanah-hartanah ini masih mempunyai pembeli dalam jangka pendek,” katanya.

Menurut perunding hartanah, jumlah hartanah di UK yang dibeli rakyat Singapura tidak dapat dikesan secara tepat kerana bank tidak mendedahkan data pinjaman pembelian hartanah di UK.

Dalam pungutan suara bersejarah pada 23 Jun lalu, rakyat Britain mengundi keluar daripada EU yang disertainya sejak 1973, dengan 52% menyokong manakala 48% lagi membantah.

– *Reuters*

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/30/brexit-uob-singapura-gantung-pinjaman-beli-hartanah-london/>